

Runway SFX horror UPM tonjol bakat industri kreatif pelajar UPM

PROGRAM *Special Effect Makeup (SFX) Horror Runway* anjuran pelajar

Bachelor Pendidikan (Sains Rumah tangga), Universiti Putra Malaysia (UPM) bukan sekadar pentas kreativiti, malah membuka laluan kepada pelajar meneroka peluang dalam industri kreatif yang semakin berkembang.

Program itu menampilkan hasil kerja pelajar melalui persembahan *runway* bertemakan elemen seram, sekali gus mengetengahkan kemahiran solekan kesan khas yang kini mendapat permintaan dalam bidang perfileman, teater dan kandungan digital.

Pengarah program, Syafiqah Mubarak Ali, berkata, pendekatan pembelajaran berasaskan pengalaman sebenar membantu pelajar menguasai kemahiran teknikal serta membina keyakinan diri.

"Program ini membuktikan bidang SRT bukan sekadar penjagaan diri, tetapi turut



PESERTA bergambar bersama Pengarah Program, Syafiqah Ali (tiga dari kiri) dan Ketua Penolong Pendaftar Fakulti Pengajian Pendidikan (FPP), Noorizajune Abu Bakar (hujung kanan) selepas Program SFX Makeup Horror Runway.

merangkumi kemahiran kreatif yang mempunyai nilai komersial," katanya. Program yang diselia

oleh Pensyarah Jabatan Pendidikan Sains dan Teknikal, Anis Zakaria itu turut dilihat selari dengan

usaha universiti memperkasa kebolehpasaran graduan dalam industri kreatif. Pelajar Tahun Kedua, Fatin

Hamimi Zulkafle, berkata, pengalaman tersebut meningkatkan keyakinan serta kemahiran komunikasi.

"Kami bukan sahaja menghasilkan solekan, tetapi membina karakter dan mempersembahkannya secara profesional," katanya.

Sementara itu, Nor Ainnafisa Nor Mohd. Nordin berkata, antara cabaran utama adalah menyiapkan solekan yang realistik dalam tempoh sekitar tiga jam.

"Saya perlu memastikan setiap perincian kelihatan hidup, di samping menyelaraskan kostum dan konsep keseluruhan bagi menghasilkan impak visual yang kuat," katanya.

Batrisyia Wirdani Ismail pula berkata, program tersebut memberi pendedahan awal terhadap realiti kerja dalam industri.

"Melalui program ini, saya berpeluang merasai sendiri proses solekan yang memerlukan tahap disiplin tinggi untuk menjayakan sesuatu persembahan," katanya.